

CNS3507

R GB 24-10 00187 BA015

Bah

BBC MAHU TELADANI KEJAYAAN MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) menyifatkan perlantikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Pengerusi Kumpulan 11 Komanwel sebagai pengiktirafan berterusan dunia kepada Perdana Menteri.

Pengerusi BBC, Encik Shahidan Kassim berkata hari ini, pengiktirafan itu menunjukkan Datuk Seri Dr Mahathir bukan sahaja berwibawa sebagai pemimpin dalam negara tetapi juga disegani pada peringkat antarabangsa.

+Anggota Parlimen Barisan Nasional mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Dr Mahathir dan berdoa agar prestasi cemerlangnya dapat menjadi contoh teladan kepada kami dan rakyat,+ katanya kepada pemberita di bangunan Parlimen.

Katanya, perlantikan Datuk Seri Dr Mahathir itu lebih membanggakan kerana kumpulan itu turut dianggotai pemimpin-pemimpin negara maju.

Jemaah Menteri, dalam mesyuaratnya semalam, bersetuju menghantar telegram ucapan tahniah atas perlantikannya itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir, yang kini mengadakan lawatan rasmi ke Tanzania.

Kumpulan 11 itu dibentuk pada Mesyuarat Kefua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Harare, Zimbabwe bagi menentukan tindakan susulan terhadap Afrika Selatan.

Selain Malaysia, kumpulan itu dianggotai oleh Zimbabwe, Australia, Britain, Bahamas, Canada, India, Jamaica, Nigeria, Singapura dan Zambia. -- Bernama.

▼24/10/15-40MST